

18/05/2003

Cara dunia perang keganasan punca serangan berani mati

Misiah Taib; Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan serangan berani mati yang meragut sekurang-kurangnya 40 nyawa di Rabat, Maghribi, kelmarin, sebagai kejadian yang terhasil daripada cara dunia memerangi pengganas dan keganasan.

Perdana Menteri berkata, sejak awal lagi beliau telah menyatakan perlunya dihentikan kekejaman dan keganasan oleh Israel ke atas penduduk Palestin kerana ia telah menyebabkan ramai umat Islam berasa sakit hati dan ingin membalas dendam.

"Kita juga telah kata kalau nak tangani masalah pengganas dengan membunuh orang dan melanggar, menceroboh negara orang, ini akan membawa akibat yang buruk. Sekarang, kita lihatlah apa yang berlaku.

"Tapi mereka berpendapat bahawa kalau orang kami seorang dibunuh, kami akan bunuh sepuluh. Kalau buat lebih daripada itu, kami akan tawan negara dan jatuhkan kerajaan kononnya mereka boleh bertindak lebih ganas daripada pengganas.

"Tapi saya melihat akan lebih banyak lagi serangan seperti ini di banyak lagi tempat," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Dalam kejadian di Rabat Maghribi, empat bom dipercayai dipasang oleh pengganas meletup di bandar raya pinggir laut Casablanca. Ia turut menyebabkan lebih 70 yang lain tercedera serta memusnahkan sebuah pusat masyarakat Yahudi, konsulat Belgium dan restoran Sepanyol.

Sekurang-kurangnya tiga letupan datang dari bom kereta dan bom keempat dipercayai diletupkan oleh pengebom berani mati yang mengikat bom di pinggangnya.

Ini adalah kejadian kedua serangan pengebom berani mati dalam tempoh lima hari. Pada 12 Mei lalu, 34 terbunuh termasuk sembilan pengebom dan 10 rakyat Amerika Syarikat dalam kejadian serupa di Riyadh.

Dr Mahathir berkata, banyak lagi tempat mungkin akan menjadi sasaran pengganas serta mereka yang digelar sebagai pengebom berani mati selepas ini, jika keganasan Israel tidak dihentikan segera.

Ditanya apakah Malaysia juga tidak terkecuali, Dr Mahathir berkata, beliau tidak boleh menidakkan terus kemungkinan itu.

"Namun kita sudah mengambil semua langkah berjaga-jaga dan kita tahu Malaysia selamat. Orang yang berasa tidak selamat adalah orang yang menyerang negara orang lain dan membunuh orang.

"Jika mereka menyerang negara lain dan membunuh orang, tidak kira di mana mereka berada, mereka tidak akan berasa selamat," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew baru-baru ini, bahawa Amerika Syarikat satu-satunya negara yang boleh menghentikan keganasan, beliau berkata, itu hanya pendapat Kuan Yew dan bukan pendapat Malaysia.

Ditanya bilakah beliau akan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi berikutan serangan terhadap Iraq sudah lama berlalu dan serangan wabak

penyakit pernafasan yang teruk (SARS) juga sudah sampai ke puncaknya, beliau berkata:

"Sabarlah. Tunggulah. Iraq dah habis, tapi masalah ekonomi tak habis. Kalau habis Iraq maka ekonomi kita balik semula macam asal, tak apalah.

"Tapi kita tahu kesan daripada Iraq, kesan daripada SARS, kesan daripada penipuan besar oleh syarikat gergasi. Semua ini mempunyai kesan yang berlarutan," katanya.